

Nama : _____
Tingkatan : _____

**PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 1
MASA: 1 JAM**

- Arahan : 1. Jawab semua soalan.
2. Jawapan hendaklah ditulis pada kertas soalan ini.
-

BAHAGIAN A

SOALAN 1 – 15 : Soalan Objektif (15%)

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Pernyataan di bawah berkaitan dengan maksud moral **kecuali**
A. Moral menyalahi undang-undang.
B. Moral terikat dengan norma masyarakat dan diterima oleh agama
2. Lim Seng didenda oleh gurunya kerana keluar kelas tanpa mendapat kebenaran. Tindakan gurunya itu merupakan tingkah laku yang
A. baik B. patut
3. Pilih tingkah laku bermoral
A. Berbuat baik untuk mendapat pujian. B. Menolong orang yang dalam kesusahan.
4. Kelebihan menggunakan internet secara berhemah adalah
A. Meningkatkan penguasaan bahasa B. Melayari laman web keganasan
5. Kita dianggap tidak bercakap benar apabila kita
A. melaporkan maklumat yang palsu
B. mendiapkan diri walaupun mengetahui salah laku rakan.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 MUKA SURAT BERCETAK

6. Sebagai seorang pelajar, saya akan mengamalkan perlakuan baik, benar dan patut dengan cara berikut **kecuali**
- A. Menelaah pelajaran ketika guru tiada di dalam kelas.
B. Memperlekehkan nasihat guru.
7. Insan bermoral bermaksud individu yang berperasaan, berfikiran, dan mengamalkan _____ baik dalam semua _____.
- A. amalan, tindakan
B. perlakuan, tindakan
8. Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan menjadi insan bermoral?
- A. Imej diri terpelihara.
B. Dapat menonjolkan diri di mata orang lain.
9. Berikut merupakan perlakuan insan bermoral **kecuali**
- A. Membiarkan kucing yang jatuh di dalam longkang.
B. Berdiri tegak apabila menyanyikan lagu Negaraku
10. Apakah kepentingan mempelajari moral?
- A. Membentuk keperibadian unggul.
B. Menjadi insan yang keras hati.
11.

| |
|--|
| Anda bersama-sama keluarga pulang ke kampung dengan menaiki kereta. Anda melihat ayah menggunakan telefon bimbit ketika memandu. |
|--|
- Sebagai insan bermoral, apakah tindakan yang patut anda lakukan dalam situasi di atas?
- A. Menasihati ayah supaya tidak menggunakan telefon bimbit sewaktu memandu.
B. Memberitahu kakak tentang perbuatan ayah.
12. Apakah faedah yang diperolehi sekiranya anda bersikap jujur dalam kehidupan?
- A. Dapat memanipulasi orang lain.
B. Mendapat kepercayaan daripada masyarakat.
13. Bilakah kita patut mengatakan tidak?
- A. Apabila rakan mengajak kita menyertai aktiviti sukan.
B. Apabila rakan mengajak kita melakukan aktiviti yang negatif.
14. Sekiranya kita tidak dapat hadir ke sekolah, apakah yang patut kita lakukan?
- A. berpesan kepada rakan supaya memberitahu guru
B. menulis surat kepada guru untuk menyatakan sebab ketidakhadiran kita ke sekolah.
15. Fook Ling pengawas sekolah. Dia ternampak rakannya menghisap rokok di belakang tandas. Apakah tindakan yang patut Fook Ling lakukan?
- A. Mengintai perbuatan rakannya.
B. Melaporkan perbuatan rakannya kepada guru disiplin.

BAHAGIAN B

SOALAN 16-27 : Soalan Struktur (12%)

Pilih jawapan anda berkaitan cara hidup bermoral dan cara hidup tidak bermoral dan tulis pilihan jawapan anda dalam ruangan di bawah.

| | | | | | |
|---------------|---------------|--------------|-----------------|---------|--------------|
| Bergaduh | Mencuri | Berintegriti | Membazir | Membuli | Bertoleransi |
| Mencemar alam | Menepati masa | Baik hati | Suka bersedekah | Amanah | Berbohong |


| CARA HIDUP BERMORAL | | CARA HIDUP TIDAK BERMORAL | |
|---------------------|-----|---------------------------|-----|
| 16. | 19. | 22. | 25. |
| 17. | 20. | 23. | 26. |
| 18. | 21. | 24. | 27. |

BAHAGIAN C

SOALAN 28-37 : Peta Minda(10%)

Pilih jawapan dibawah dan jelaskan bagaimana anda mendemostrasikan perlakuan insan bermoral sebagai seorang pelajar dengan melengkapkan peta buih di bawah:

| | |
|------------------------------------|---|
| Akur kepada peraturan sekolah | Membawa telefon bimbit ke sekolah |
| Belajar secara sambil lewa | Berusaha mengharumkan nama sekolah |
| Sentiasa menghormati guru | Sengaja ponteng sekolah |
| Bergaul mesra dengan warga sekolah | Belajar dengan tekun dan bersungguh-sungguh |



Pilih jawapan dibawah berkaitan kepentingan mempelajari moral dan lengkapkan peta dakap di bawah:

| | |
|------------------------------------|---|
| Membentuk keperibadian unggul | Membentuk perpaduan |
| Membentuk jati diri yang lemah | Mengamalkan integriti |
| Menjadi insan yang berakhlak mulia | Memiliki benteng dan jati diri yang kukuh |
| Memecah belahkan kaum. | Memanipulasi orang lain dengan mudah |

Kepentingan Mempelajari Moral

33. _____

34. _____

35. _____

36. _____

37. _____

BAHAGIAN D

SOALAN 38-42 : Soalan Bergambar (5%)

Pilih jawapan di bawah dan tulis tingkah laku bermoral yang patut dilakukan berdasarkan gambar yang diberi.

| | | | | |
|----------------------------|-------------------------------------|---|------------------------------------|--|
| Mengucap salam kepada guru | Senyap ketika di dalam perpustakaan | Berdiri tegak apabila lagu Negaraku dinyanyikan | Membantu orang buta melintas jalan | Menyelamatkan kucing yang hampir lemas |
|----------------------------|-------------------------------------|---|------------------------------------|--|

38. _____

39. _____

40. _____


41. _____

42. _____

BAHAGIAN E

SOALAN 43-46 : Soalan Aplikasi (8%)

Baca dan fahami situasi di bawah. Terangkan tindakan yang perlu anda lakukan berdasarkan perlakuan baik, benar dan patut.



Anda dan keluarga anda mengadakan rumah terbuka dan menjemput rakan-rakan yang berbilang kaum untuk menghadirinya.



43. _____

Rakan anda telah disaman oleh polis kerana menunggang motosikal secara berbahaya dan melanggar peraturan jalan raya.



44. _____

Hui Lu bercakap benar dan mengakui perbuatannya mencuri buku rujukan di perpustakaan.



45. _____

Ahmad meminta Lim Jian merahsiakan perbuatannya yang menghilangkan kunci kelas kerana takut dimarahi guru kelasnya Puan Aminah.



46. _____

---SOALAN TAMAT---